

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 4/1976**

**MENGUATKUASAKAN SYARAT-SYARAT NYATA
(EXPRESS CONDITION) DAN SYARAT-SYARAT
TETAP (IMPLIED CONDITION)**

Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah ditarik perhatian kepada Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Pesekutuan Bil. 3/75 berkenaan dengan perkara menguatkuasakan syarat-syarat yang dikenakan ke atas tanah-tanah milik yang perlu diikuti oleh tuan tanah.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan di dalam persidangannya pada 5/2/1976 telah membuat keputusan mengarahkan Pemungut-Pemungut Hasil Tanah mengambil tindakan merampas balik tanah menurut Seksyen 128(1) Kanun Tanah Negara jika didapati tuan tanah gagal menepati kehendak syarat atau pun melanggar syarat yang terkandung dalam Pekeliling 3/75. Sekiranya Pemungut-Pemungut Hasil Tanah merasa ragu-ragu di atas tindakan yang hendak diambil bolehlah perkara tersebut dirujukkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.
3. Salinan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 3/1975 disertakan.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL. 2005 (4)

KUALA LUMPUR
17HB MAC 1976